



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 45 / 2023

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.040 KEMAMAN, TERENGGANU

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima Laporan Hakim Pilihan Raya susulan keputusan petisyen pilihan raya di mana mahkamah telah membatalkan keputusan pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu pada 19 November 2022 yang lalu.
2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **17 Oktober 2023 (Selasa)** dan memutuskan satu **PRK Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.
3. Bagi maksud menjalankan PRK Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti berikut:

Tarikh Writ	:	17 Oktober 2023 (Selasa)
Hari Penamaan Calon	:	18 November 2023 (Sabtu)
Hari Undi Awal	:	28 November 2023 (Selasa)
Hari Mengundi	:	2 Disember 2023 (Sabtu)

4. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **18 November 2023 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 1 Disember 2023 (Jumaat)**.

5. Urusan permohonan semua kategori undi pos bagi PRK ini dibuka bermula dari hari ini, **17 Oktober 2023 (Selasa)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh Tutup
1	1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera & Pasangan, dan Petugas Media)	15 November 2023 (Rabu)
2	1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)	26 Oktober 2023 (Khamis)
3	1C (Agensi / Organisasi)	30 Oktober 2023 (Isnin)

6. **Permohonan undi pos adalah secara dalam talian (*online*).** Maklumat lanjut dan panduan permohonan undi pos boleh dirujuk melalui **Portal Rasmi SPR, www.spr.gov.my**.

7. Bagi menjalankan proses PRK Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **tujuh (7) orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan **lima (5) Pasukan Penguin Kuasa Kempen Pilihan**

Raya (PP-KPR) yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.

8. Bagi maksud PRK Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu, **Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** yang digunakan adalah di **Dewan Berlian Utama, Majlis Perbandaran Kemaman**.
9. Seramai **2, 102 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu. Manakala, sebanyak **49 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **244 tempat mengundi/saluran** dan empat (4) **pusat mengundi awal** yang mengandungi empat (4) **tempat mengundi/saluran awal** akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **53 buah dengan 248 tempat mengundi/saluran**. PRK Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu memerlukan peruntukan sebanyak **RM 3.5 juta**.
10. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan adalah **daftar pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan Ogos 2023** yang dikemaskini sehingga **3 Oktober 2023**. DPPR ini mengandungi seramai **141,790 orang pemilih** yang terdiri daripada **141,382 orang pengundi biasa**, **387 orang anggota polis**, **sembilan (9) orang anggota tentera** dan **pasangan**, dan **12 orang Pengundi Tidak Hadir Luar Negara**. DPPR bagi PRK ini akan mula dijual pada **14 November 2023 (Selasa)**.

11. Para pengundi boleh membuat **semakan maklumat** pengundian untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan <https://mysprsemak.spr.gov.my> atau hubungi **Hotline SPR** di talian **03-8892 7018/ 7218/ 7124** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Semakan maklumat pengundian akan **dibuka pada 14 November 2023 (Selasa)**.
12. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK ini agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Terengganu sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
13. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.
14. Pada PRK ini juga, SPR turut menawarkan kepada **mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau badan yang berminat** untuk menjadi **pemerhati pilihan raya** dalam melihat perjalanan **proses PRK** ini bermula dari **hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan**. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian

seperti **di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi** serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan.

15. **Maklumat lanjut dan borang permohonan** untuk pemerhati boleh diperolehi daripada **Portal Rasmi SPR www.spr.gov.my** mulai **hari ini, 17 Oktober 2023 (Selasa)** dan **tarikh tutup permohonan** pada **26 Oktober 2023 (Khamis)**.
16. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR dan akaun *TikTok* Akademi Pilihan Raya sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
17. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen **`Jom Kita Undi`** melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
17 Oktober 2023 / 2 Rabiulakhir 1445H